

Mendukung pemimpin, santuni akar umbi

UMNO mesti kekal parti marhaen

Suara UMNO kali ini sedikit berbeza. Nada suara dalam mesyuarat bahagian UMNO yang sudah berlangsung, rata-rata mahukan pembaharuan segera dilakukan supaya parti keramat orang Melayu itu kekal pada suhu yang sihat dan relevan. Tiada lagi pujian dan sindrom penafian, sebaliknya keinsafan dan pengakuan bahawa parti sedang berdepan cabaran getir.

Dalam Pilihan Raya Umum (PRU) 2013, UMNO berjaya memperbaiki pencapaiannya berbanding Pilihan Raya Umum 2008 dengan menambah jumlah kerusi Parlimen daripada 79 kepada 88. Menariknya, jumlah ini sebenarnya kurang satu kerusi daripada jumlah keseluruhan yang dimiliki pembangkang, iaitu 89 kerusi parlimen.

Ini bermakna kekuatan UMNO hampir setara dengan keseluruhan kekuatan pakatan pembangkang dari segi penguasaan jumlah kerusi Parlimen. Pencapaian UMNO ini juga menandakan ia parti terkuat di Malaysia. PAS mengakui kempen 'PAS Ganti UMNO' sudah gagal. Berdasarkan jumlah undi dan kerusi Parlimen khususnya di kawasan Melayu/Islam, PAS masih tidak dapat menandingi UMNO.

Namun, pencapaian ini tidak akan kekal jika UMNO leka dan alpa. Sokongan politik sentiasa berubah-ubah dan segala kemungkinan boleh berlaku. UMNO harus bersedia untuk mengekalkan pencapaian dan sokongannya dalam PRU14 akan datang.

Semangat muafakat

Dalam membincangkan isu dan cabaran semasa UMNO, saya amat tertarik dengan ucapan Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Johor, Datuk Mohamed Khaled Nordin sempena Persidangan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Pasir Gudang baru-baru ini. Ucapan ini disampaikan di hadapan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Razak.

Atas semangat muafakat yang menjadi pendekatan UMNO Johor, Mohamed Khaled cuba merungkaikan permasalahan parti secara hemah dan penuh tertib. Bak kata pepatah, 'menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus, tepung tidak berselerak.'

Lebih-lebih lagi, presiden adalah satu-satunya nakhoda yang mengemudi bahtera berdepan gelombang perjuangan.

Namun, dalam menyelesaikan pelbagai isu yang mendepani parti dan negara, UMNO perlu mendengar pandangan akar umbi. UMNO bukan parti elit dan kepunyaan individu tertentu, tetapi parti milik semua ahli.

Kekuatan UMNO terletak kepada 3.5 juta ahli, bukan mana-mana pemimpin. Pemimpin boleh datang dan pergi tetapi ahli yang akan menentukan masa depan parti. Justeru, UMNO perlu

kekal sebagai parti marhaen yang sentiasa dekat dengan akar umbinya.

Pendekatan mendukung pemimpin dan menyantuni akar umbi ini melengkapi usaha memperkukuhkan parti kerana pemimpin dan ahli mempunyai peranan tersendiri. Sinergi pemimpin dan ahli akan menjadi kekuatan UMNO sebagai parti siasah berdaya saing.

Sekolah politik dan kepemimpinan UMNO

Tidak dinafikan, Mesyuarat Bahagian UMNO khususnya di Johor mendapat perhatian luar biasa sejak tokoh utamanya, Tan Sri Muhyiddin Yassin digugurkan daripada Kabinet pada 28 Julai lalu. Tidak dinafikan, ada pihak cuba mengambil kesempatan untuk menggangu perpaduan parti hingga hilang rasa hormat dan adab.

Sokongan terhadap Timbalan Presiden di samping dukungan penuh kepada Presiden amat diperlukan oleh UMNO sekarang. Perpaduan antara pemimpin tertinggi parti amat kritikal kerana ia kekuatan kepada ahli yang di bawah. Jangan bercakap soal perpaduan jika pemimpin terus bertelagah.

Selain itu, *survival* UMNO amat bergantung kepada sokongan generasi kini dan akan datang. UMNO perlu menjadi parti masa depan yang berketrampilan dan pilihan anak muda. Lebih penting sokongan anak muda kepada UMNO bukan disebabkan kedudukan UMNO itu yang boleh menjanjikan peluang mencipta kemewahan, sebaliknya atas dasar ilmu dan budaya yang tinggi untuk menyumbang kepada pembangunan agama, bangsa dan negara.

Justeru, idea UMNO Johor seperti diumumkan Mohamed Khaled untuk menubuhkan Sekolah Politik dan Kepimpinan UMNO cukup relevan dalam usaha melahirkan generasi pelapis yang berilmu dan mempunyai fikrah jelas mengenai perjuangan parti. Sistem pengkaderan yang sistematik amat penting kepada UMNO untuk mendapatkan ahli dan bakal pemimpin yang lebih berkualiti.

Pada masa sama, sebagai sebuah parti untuk orang Melayu dan Islam, UMNO perlu mengekalkan agama sebagai teras dan kompas perjuangan. Ini kerana UMNO bukan parti material kerana taraf UMNO lebih besar daripada itu. UMNO perlu 'membumikan' ajaran Islam dengan lebih tegas dan berani kerana inilah inti perjuangan sejak penubuhannya.

Dengan segala kemelut dan cabaran besar dihadapi UMNO kini, inilah masa terbaik dan afdal untuk UMNO berubah dan melakukan pengislahan. Mulakan hari ini untuk esok yang lebih baik.



Penulis

ialah Profesor Madya di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia



←
**MOHD IZANI
MOHD ZAIN**



→
**JUHAIIDI YEAP
ABDULLAH**

juhaidiy@gmail.com